

**LAPORAN STATUS KEBERKESANAN PELAKSANAAN TINDAKAN SUSULAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO QMS & ISMS UPM TAHUN 2023 (KALI KE-13)
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO 27001**

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
13.3 – TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS				
1.	13.1(a) Minit 12.3(b)i	Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 18 tindakan susulan MKSP ISO QMS dan ISMS Tahun 2022 telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas. Keterangan lanjut sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 3.0. Mesyuarat turut mengambil perhatian kepada 10 perkara berikut: (a) <u>Minit 12.3(b)</u> – Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan tindakan susulan dari mesyuarat lepas iaitu: i. isu keselamatan maklumat/data iaitu berkenaan risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama. Mesyuarat mengambil maklum maklumbalas Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), permohonan <i>Rolling Plan</i> ke 4 tidak diteruskan kerana tidak melibatkan projek pembinaan bangunan baharu dan maklumbalas pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) telah mengambil tindakan membersihkan dan membesarkan longkang menyebabkan analisa risiko banjir telah bertukar menjadi sederhana. Mesyuarat juga mengambil maklum pandangan ahli bahawa perlu ada pelan tindakan lain bagi mengurangkan risiko seandainya berlaku banjir yang di luar jangkaan. Pihak iDEC diminta meneliti dan menimbangkan cadangan untuk melakukan tebatan bagi mengurangkan	TWP PP iDEC	1. Penyelenggaraan berkala sistem perparitan di sekitar Pusat Data Utama di iDEC Beta oleh PPPA. 2. Memperkukuhkan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) di iDEC Epsilon, Bangunan MTDC dengan menyediakan infrastruktur ICT(rangkaian, keselamatan, server dan storan). 3. Permohonan naik taraf bangunan untuk Pusat Data dan NOC di program/projek baharu tahun 2026 di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). 4. Meningkatkan kemudahan server, storan dan sistem data <i>backup</i> di <i>colocation server</i> yang ketika ini berada di HDC Data Centre, Shah Alam. Ini akan digunakan sebagai kemudahan penyimpanan data pendua.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
		risiko. UPM juga perlu membuat perancangan untuk menyimpan data menggunakan 'Cloud' dengan mengambil kira jumlah kos yang diperlukan dan sekiranya melibatkan kos yang agak besar ianya boleh dibuat secara berperingkat.		
2.	13.1(a) Minit 12.3(b)ii	ii. mengambil perhatian serius berkenaan isu penggodaman/ pencerobohan laman sesawang PTJ di mana pihak iDEC telah mengambil tindakan pamantauan dan kawalan berterusan. Bagi tahun 2023 terdapat 2 insiden pencerobohan melibatkan UPM Kampus Bintulu dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Pihak iDEC telah mengambil langkah menghentikan pencerobohan dan telah menambah baik dari segi keselamatan termasuk memberi penerangan kepada pentadbir sistem berkenaan langkah yang perlu diambil bagi memastikan perkara ini dapat dicegah.	TWP PP iDEC	1. Mempertingkatkan sistem keselamatan ICT yang melibatkan naiktaraf <i>Firewall</i> yang telah siap dilaksanakan pada Oktober 2023. 2. Memperkasakan Pasukan Tindakbalas Insiden Keselamatan ICT (UPMCert) yang melaksanakan kawalan risiko, pengendalian insiden dan tindakan pengukuhan keselamatan ICT. 3. Meningkatkan tahap kompetensi keselamatan ICT ahli <i>taskforce</i>/staf dalam bidang/kepakaran berkaitan. 4. Melaksanakan program kesedaran kepada pekerja UPM berkaitan pencerobohan & ancaman siber secara berkala berdasarkan Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK).
3.	13.1(b) Minit 12.5.1(h)ii	(b) <u>Minit 12.5.1(h)</u> – Mesyuarat mengambil maklum: ii. status terkini Sistem SMP 4.0 yang mengintegrasikan Sistem SMP (Prasiswazah) dan iGIMS (Siswazah) dijangka akan digunakan sepenuhnya pada Oktober 2024, walau bagaimanapun mesyuarat meminta sistem ini digunakan	TWP PP iDEC	1. <i>Trial run</i> tidak dapat dilaksanakan pada hujung tahun 2023 atas sebab kekangan sumber manusia dan perubahan keperluan proses yang besar. Walau bagaimanapun, satu <i>soft launch</i> bagi Modul Promosi telah diadakan pada 7 Februari 2024.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
		dahulu (<i>trial run</i>) pada hujung tahun 2023.		2. Bagi tahun 2024, semakan semula perancangan pembangunan sistem ini akan dibuat bersesuaian dengan kapasiti sumber manusia yang ada serta pengaktifan semula JK Pemandu SMP4.0 dan JK Kerja SMP4.0 bagi membantu pasukan pembangunan aplikasi dalam menyelaraskan semula keperluan setiap proses.
4.	13.1(b) Minit 12.5.1(h)iii	iii. berkenaan tempoh menunggu pelajar (selepas menghantar tesis dengan tarikh <i>viva voce</i>) dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) namun masih terdapat keadaan di mana penilai luar lewat menghantar laporan walaupun telah diberi tarikh akhir. Perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Siswazah Universiti (JKPSU) dan SPS akan melihat ruang penambahbaikan yang ada.	TWP PP SPS	Penetapan tarikh <i>viva voce</i> adalah berdasarkan kesesuaian dan persetujuan Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis. Namun demikian, terdapat beberapa perkara menyebabkan kelewatan ini. Berikut antara penambahbaikan yang dibuat: 1. Notis peringatan melalui Sistem <i>Thesis Online</i> kepada penilai luar untuk menghantar laporan ditambah kekerapannya (selain <i>follow up</i> melalui panggilan telefon dan aplikasi <i>WhatsApp</i>). 2. JKPSU ke-494 pada 26 Oktober 2023 telah bersetuju agar pihak SPS terus memberikan tarikh peperiksaan <i>viva</i> kepada Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis semasa tesis dihantar untuk diperiksa. Terdapat juga situasi dalam kalangan ahli yang tidak hadir pada sesi <i>viva voce</i> pelajar yang terdahulu telah dipersetujui menyebabkan <i>viva voce</i> pelajar ditangguhkan.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				3. JKPSU ke-498 pada 1 Mac 2024 telah bersetuju sebagai salah satu usaha untuk menangani permasalahan Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis yang tidak hadir pada sesi <i>viva voce</i> pelajar yang terdahulu telah dipersetujui, meminta ahli yang berkaitan mengemukakan surat tunjuk sebab kepada Dekan, SPS dan disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
5.	13.1(b) Minit 12.5.1(h)iv	iv. capaian internet dalam bilik kuliah sedang dalam proses pelaksanaan Fasa 2 dan pelaksanaan baharu lebih kepada <i>bandwith</i> yang besar dengan pertambahan bilangan <i>wifi</i> dan dijangka siap pada 30 Oktober 2023. Mengambil perhatian bagi membantu pihak iDEC membangun sistem yang mantap, iDEC memerlukan kerjasama pemilik sistem iaitu Bahagian Akademik perlu mahir dari segi Peraturan Perkara Akademik supaya sistem yang dibangunkan adalah selaras dengan keperluan peraturan tersebut.	TWP PP iDEC	Fasa 2 UPMNet telah siap pada Disember 2023.
6.	13.1(c) Minit 12.6.1.1(d)	(c) <u>Minit 12.6.1.1(d)</u> – Mesyuarat mengambil maklum berkaitan program <i>Summer School</i> yang tidak mencapai sasaran pada tahun lepas disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun tahun ini Pusat Antarabangsa akan cuba meningkatkan pencapaian dan pemantauan melalui Penyelaras yang telah dilantik di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).	TWP PP PEJ. TNCAA & TWP i-PUTRA	<u>TWP i-PUTRA:</u> Sasaran KPI pada penghujung tahun 2023 sebanyak 35% telah hampir tercapai dengan pencapaian sebanyak 33.33% (tidak termasuk <i>tailored programme</i>). Pada tahun 2024, sebanyak 40% sasaran ditetapkan oleh universiti. i-PUTRA telah merancang dan menjadualkan beberapa siri bengkel bersama Penyelaras <i>Summer</i>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				<i>Programme</i> bagi meningkatkan penglibatan PTJ untuk mengadakan program ini.
7.	13.1(d) Minit 12.6.1.1(e)	(d) <u>Minit 12.6.1.1(e)</u> – Mesyuarat mengambil maklum KPI Skop Penyelidikan dan Inovasi tidak mencapai sasaran dengan maklumbalas Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)/(TNCPI) adalah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan <i>Putra Science Park</i> (PSP) telah merangka strategi dan inisiatif termasuk meraikan pencapaian penyelidik cemerlang serta memberi insentif bersesuaian. Mesyuarat meminta Pejabat TNCPI bekerjasama dengan CADe-Lead untuk merancang bengkel- bengkel berfokus bagi membantu pensyarah menacapai KPI.	TWP PP PEJ. TNCPI	<u>Pejabat TNCPI & RMC :</u> Pejabat TNC (P&I) telah membuat semakan terhadap keperluan pindaan KPI dan sasaran yang ditetapkan kepada setiap PTJ dengan memastikan pencapaian universiti bagi penarafan tertentu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa tidak terjejas. Cadangan pindaan terhadap penilaian prestasi tahunan Pegawai Akademik (LPPT) bagi Skop II: Penyelidikan telah diluluskan dengan merujuk pada Petikan Minit JPU 928.04(b)(1). Sesi <i>town hall</i> telah diadakan oleh Pejabat Pendaftar pada 1 & 4 Julai 2024 bagi memberikan pencerahan terhadap kaedah penilaian baharu yang tersebut. Insentif yang bersesuaian juga telah diberikan melalui beberapa inisiatif di bawah kelolaan RMC seperti pemberian insentif Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi, pertimbangan terhadap kelulusan permohonan geran penyelidikan di bawah Inisiatif Geran Putra. Pemberian insentif telah dilaksanakan pada Julai 2024 bagi tujuan pemerkasaan penerbitan jurnal berimpak tinggi. Penerima insentif telah ditawarkan Geran

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				Penyelidikan Inisiatif (GPI) bermula 1 September 2024. Bengkel dengan kerjasama CADe-Lead akan ditentukan kemudian memandangkan cadangan KPI penyelidikan PTJ telah dibincang dan ditetapkan pada Mesyuarat JKPU ke-228 yang diadakan pada 25 Mac 2024.
8.	13.1(e) Minit 12.6.1.1(f)	(e) Minit 12.6.1.1(f) – Mesyuarat mengambil maklum berkaitan KPI visibiliti pertanian yang tidak mencapai sasaran, Fakulti Pertanian sedang melaksanakan <i>urban farming</i> termasuk bekerjasama dengan Pusat Pertanian Putra untuk mengaktifkan lagi aktiviti pertanian termasuk menghidupkan semula projek <i>sensory garden</i> yang terbengkalai.	TWP Fakulti Pertanian	Fakulti Pertanian telah melaksanakan 116 projek/program sepanjang Q4, 2023 bersama komuniti dan industri. Fakulti Pertanian telah mengadakan Hari Terbuka pada 27-28 Julai 2024 yang melibatkan pelbagai aktiviti : 1. Penjualan Produk Pertanian 2. Lawatan Ladang 3. Kursus/Klinik kepakaran 4. Pelancaran <i>Plant Factory</i> 5. Pameran PTJ Luar 6. Mud Run(masih tengah dirancang) 7. Pameran dan Jualan Produk UPM BAJA 8. Pameran Mekanisasi 9. Pameran Penggunaan Dron di ladang Fakulti Pertanian masih dalam peringkat perbincangan dengan syarikat bagi penyewaan kawasan <i>sensory garden</i> untuk aktiviti.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
9.	13.1(f) Minit 12.6.1.2(e)	(f) <u>Minit 12.6.1.2(e)</u> – Mesyuarat mengambil maklum cadangan untuk menggabungkan skop proses utama Prasiswazah dan Siswazah di bawah peneraju yang sama, perkara ini akan dibincangkan dan akan diteliti kesesuaian pelaksanaannya.	TWP PP PEJ. TNCAA & TWP PP SPS	<u>TWP PP SPS:</u> SPS pada tahun 2024 memfokuskan usaha kepada aktiviti transformasi dokumen berasaskan pengguna sebagaimana ketetapan JK Kualiti UPM. <u>TWP PP PEJ. TNCAA:</u> 1. Pelaksanaan menggabungkan Skop Perkhidmatan Utama (PU) tidak dilaksanakan berdasarkan kepada penelitian awal, ia tidak sesuai dilaksanakan kerana perbezaan aspek pelaksanaan Prasiswazah dan Siswazah. 2. Pada masa ini fokus keutamaan diberikan kepada Pembangunan Sistem SMP4.0 yang menggabungkan dua sistem utama universiti iaitu SMP dan iGIMS. 3. Usul untuk menggabungkan skop ini hanya akan dibincangkan setelah kejayaan menggabungkan proses utama kedua-dua sistem. Pada masa ini, fokus turut diberikan bagi transformasi dokumentasi berasaskan pengguna bagi skop siswazah (PG). 4. Pelan Tindakan adalah seperti berikut: i. Mengutamakan penyelesaian pembangunan Sistem SMP4.0, termasuk sesi libat urus bersama pemegang taruh-fakulti, dan pihak ICT.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				ii. Menjalankan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk transformasi dokumentasi.
10.	13.1(i)i Minit 12.8.2(j)	(i) <u>Minit 12.8.2(j)</u> – Mesyuarat mengambil maklum iaitu 2 isu tahap risiko tinggi yang berulang untuk tahun 2021 dan 2022 seperti berikut: i. bagi sistem eKlinik Pergigian, Pusat Kesihatan Univeriti telah mendapat maklumbalas dari Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bursar bahawa sistem ini akan dibangunkan secara dalaman oleh iDEC bagi penjimatan kos universiti;	TWP PP PKU	1. PKU UPM telah mengadakan mesyuarat bersama pihak iDEC pada 29 November 2023. 2. Pihak iDEC mempunyai limitasi berkaitan sumber manusia/kepakaran untuk membangunkan sistem dari awal (<i>from scratch</i>) sekiranya ianya dilakukan secara dalaman. Ianya turut akan mengambil tempoh yang lama untuk dibangunkan. 3. Hasil perbincangan bersama, pihak iDEC bersetuju dengan cadangan agar menggunakan sistem dari PKU USM. Pihak PKU UPM dan iDEC telah mengadakan lawatan ke PKU USM pada 8 Mac 2024. 4. Secara prinsipnya, Sistem PKU USM boleh digunakan di PKU UPM kerana mempunyai <i>business flow</i> yang sama. 5. PKU menerima Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan iDEC (19 Jun 2024) yang turut mencadangkan untuk melihat kepada sistem PutraHIS Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) yang sedang dibangunkan. 6. Sesi Demo Sistem Putra Hospital Information System (PutraHIS) oleh

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) telah diadakan pada 25 Julai 2024. 7. Susulan daripada hasil demo dan perbincangan bersama pihak iDEC dan HSAAS, PKU telah membuat permohonan kepada Ketua Bahagian Pembangunan Aplikasi iDEC pada 22 Ogos 2024 berkaitan - Permohonan Pembangunan Sistem e-Klinik Baharu berdasarkan sistem yang sedang dibangunkan di HSAAS. 8. Penempatan Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Kesihatan Universiti, UPM.
11.	13.1(i)ii Minit 12.6.1.1(e)	ii. bagi I-AQUAS pula ia berkaitan dengan kos membaikpulih infrastruktur <i>hatcheri</i> sebanyak RM2.8 juta, dan masih menunggu keputusan permohonan <i>Rolling Plan</i> ke 4 dalam RMK 12.	TWP I-AQUAS	Permohonan untuk baik pulih infrastruktur <i>hatcheri</i> sebanyak RM2.8 juta melalui RMK12 telah diluluskan. Berdasarkan garis masa yang disediakan oleh pihak PPPA, kerja baik pulih dijangka akan bermula pada bulan Mei 2024.
12.	13.1(j) Minit 12.10.1(b)	(j) <u>Minit 12.10.1(b)</u> – Mesyuarat mengambil perhatian berkaitan cadangan penamatan pensijilan ISO9001 dan ISO/IEC 27001 UPM dan mesyuarat mengambil maklum : i. melalui beberapa siri perbincangan secara dalaman telah bersetuju bahawa ISO 27001 diteruskan kerana mengambil kira isu semasa keselamatan maklumat yang penting dan perlu diberi perhatian;	TWP CQA	CQA telah melaksanakan tindakan berikut: 1. Sesi Pra Perbincangan Penubuhan Jawatankuasa <i>Task Force</i> Jaminan Kualiti Dalaman UPM - 1 Februari 2024. Objektif : mendapatkan input awal bagi membentuk pasukan Jawatankuasa <i>Task Force</i> Jaminan Kualiti Dalaman UPM. Sesi ini melibatkan Ahli Pengurusan CQA

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
		ii. bagi ISO 9001 satu soal selidik telah dilaksanakan bermula 15 Mei 2023 sehingga 31 Mei 2023 menerusi hebahan info@upm.edu.my bertujuan mengumpul maklum balas warga UPM. Hasil soal selidik menunjukkan sebanyak 69% bersetuju pensijilan QMS dikekalkan manakala 39% bersetuju pensijilan QMS ditamatkan. Laporan terperinci hasil soal selidik adalah seperti pada Lampiran A1; iii. Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah meneliti input cadangan- cadangan yang dikemukakan dalam maklumbalas tersebut termasuk cadangan mengadakan sistem jaminan kualiti secara dalaman; iv. CQA sedang dalam proses membangun Kerangka Jaminan Kualiti /<i>Quality Assurance Framework</i> di mana dalam kerangka ini akan menyatakan berkenaan jaminan kualiti perkhidmatan dan akademik secara menyeluruh; v. satu <i>taskforce</i> akan diwujudkan untuk meneliti kesesuaian mengadakan sistem jaminan kualiti secara dalaman; dan vi. sehingga Kerangka Jaminan Kualiti diterima dan dilaksanakan oleh UPM, pelaksanaan ISO 9001 masih diteruskan sebagaimana sekarang.		bersama Felo Bersekutu QMS CQA serta Pentadbir ISO yang berpengalaman dalam pengurusan kualiti di UPM. 2. Pelantikan Jawatankuasa <i>Task Force</i> Jaminan Kualiti UPM – 1 Ogos 2024. Terma Rujukan : Membangunkan kerangka jaminan kualiti UPM; dan Merangka pelaksanaan jaminan kualiti UPM secara dalaman. 3. Mesyuarat Jawatankuasa <i>Task Force</i> Jaminan Kualiti UPM Bil.1 pada 15 Ogos 2024. Bagi memastikan keterjaminan kualiti perkhidmatan dan akademik di UPM, mesyuarat telah mencadangkan pelan tindakan seperti berikut: i. pembangunan kerangka pelaksanaan jaminan kualiti UPM; ii. keperluan penelitian untuk pengecilan skop QMS (pengauditan oleh badan persijilan) menerusi sistem jaminan kualiti secara dalaman dengan mengenalpasti skop yang terlibat; dan iii. pengekalan pensijilan QMS bersama pihak SIRIM sebagaimana praktis semasa, sehingga pembangunan kerangka jaminan kualiti UPM. [sehingga 2027 dengan pengecilan skop akan

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)								
				dilaksanakan].								
13.5.1 - Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS												
13.	13.5.1(f)	(f) mesyuarat meminta PTJ yang masih belum mengambil tindakan menjawab maklumbalas U-RESPON mengambil tindakan segera untuk menjawab dan menutup maklumbalas ini.	TWP PP - HSAAS,PSP, Penerbit, OSH, FPV, Akademi Sukan & Pej. Bursar	PKPU / PSPK : Semakan Status semasa, hanya PSP sahaja yang masih belum menjawab maklumbalas dan menutup maklumbalas U-RESPON tahun 2023.								
14.	13.5.1(j) & 13.5.1(k)	(j) mengambil perhatian item yang mendapat skor di bawah min 4.00 adalah seperti berikut:<table><tr><td>Skop Prasiswazah</td><td>Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.43)</td></tr><tr><td>Skop Siswazah</td><td>Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.99)</td></tr><tr><td>Skop Penyelidikan dan Inovasi</td><td>Pengurusan Penyelidikan Penggunaan PRIMS dalam pengurusan maklumat/data penyelidikan pegawai akademik (Min 3.99)</td></tr><tr><td>Skop Perkhidmatan Sokongan</td><td>Kemudahan Komunikasi : Melalui surat (Min 3.54)</td></tr></table> (k) mengambil perhatian tentang item-item yang mendapat skor rendah dan memerlukan penambahbaikan agar diberi perhatian serius oleh PTJ dan peneraju proses berkenaan;	Skop Prasiswazah	Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.43)	Skop Siswazah	Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.99)	Skop Penyelidikan dan Inovasi	Pengurusan Penyelidikan Penggunaan PRIMS dalam pengurusan maklumat/data penyelidikan pegawai akademik (Min 3.99)	Skop Perkhidmatan Sokongan	Kemudahan Komunikasi : Melalui surat (Min 3.54)	Peneraju Proses Berkenaan	TWP PP SPS: Kemudahan wifi/u-Spot di fakulti/institut adalah di bawah tanggungjawab PTJ masing-masing/iDEC. TWP PP Pejabat TNCPi / Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC): RMC telah melantik seorang pengaturcara komputer untuk membantu dalam proses menaik taraf Sistem PRIMS. Penambahbaikan tersebut akan membantu dalam penyaluran maklumat yang lebih tepat dan pantas. Dalam masa yang sama memberikan “user experience” yang lebih baik dari Sistem PRIMS sedia ada. Manual penggunaan sistem boleh dimuat turun daripada Sistem PRIMS. RMC turut membuka ruang kepada PTJ yang berminat untuk mengadakan sesi taklimat penggunaan Sistem PRIMS. PKPU UPM : Skop Perkhidmatan Sokongan – Kemudahan Komunikasi: Melalui Surat mendapat Min 3.54 pada tahun 2022.
Skop Prasiswazah	Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.43)											
Skop Siswazah	Kemudahan wifi/U-spot di Fakulti/Institut (Min 3.99)											
Skop Penyelidikan dan Inovasi	Pengurusan Penyelidikan Penggunaan PRIMS dalam pengurusan maklumat/data penyelidikan pegawai akademik (Min 3.99)											
Skop Perkhidmatan Sokongan	Kemudahan Komunikasi : Melalui surat (Min 3.54)											

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)														
				TINDAKAN: Memberikan peringatan kepada semua pekerja UPM melalui e-hebahan berkenaan keperluan meningkatkan prestasi komunikasi melalui surat selaras dengan ketetapan Prosedur Pengendalian Maklum Balas Pelanggan UPM/SOK/PEL/P001 dan Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam Kementerian Pendidikan Tinggi, “surat akuan terima atau surat maklum balas kepada pelanggan diberikan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.” Hebahan peringatan dijadualkan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 5 Mac 2024 dan 2 September 2024.														
15.	13.5.1(o)	(o) mengambil perhatian maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran iaitu bagi pelajar dan penaja terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju kerana mendapat purata skor min kurang memuaskan iaitu berkenaan perkara berikut; <table><tr><th>SOALAN PENAJA</th><th>SKOR</th></tr><tr><td>Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.</td><td>2.68</td></tr><tr><td>Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian</td><td>2.00</td></tr></table> <table><tr><th>SOALAN PELAJAR</th><th>SKOR</th></tr><tr><td>Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan ‘tempoh menunggu’ di antara tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah) (Nota: Soalan No. 6 ini hanya perlu dijawab oleh pelajar siswazah dalam mod penyelidikan)</td><td>0.90</td></tr><tr><td>Proses pendaftaran kursus setiap semester adalah mudah dan tidak membebankan</td><td>2.55</td></tr><tr><td>Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan</td><td>2.61</td></tr></table>	SOALAN PENAJA	SKOR	Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.	2.68	Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian	2.00	SOALAN PELAJAR	SKOR	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan ‘tempoh menunggu’ di antara tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah) (Nota: Soalan No. 6 ini hanya perlu dijawab oleh pelajar siswazah dalam mod penyelidikan)	0.90	Proses pendaftaran kursus setiap semester adalah mudah dan tidak membebankan	2.55	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.61	TWP PP PEJ TNCAA	1. Penaja: Memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya. Pencapaian skor rendah adalah kerana pemberian penajaan dan peluang pekerjaan adalah dua aspek berbeza. Universiti boleh meningkatkan usaha kebolehpasaran graduan, menawarkan program pengajian secara kerjasama dengan industri, meningkatkan kerjasama dan penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum, latihan industri dan maklum balas industri, serta menghasilkan graduan yang diperlukan industri
SOALAN PENAJA	SKOR																	
Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.	2.68																	
Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian	2.00																	
SOALAN PELAJAR	SKOR																	
Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan ‘tempoh menunggu’ di antara tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah) (Nota: Soalan No. 6 ini hanya perlu dijawab oleh pelajar siswazah dalam mod penyelidikan)	0.90																	
Proses pendaftaran kursus setiap semester adalah mudah dan tidak membebankan	2.55																	
Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.61																	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				2. Pertukaran Program: Menyebabkan pelanjutan tempoh pengajian, penahanan penajaan, dan menjejaskan perancangan penaja. Penaja utama seperti JPA dan PTPTN menggunakan dasar yang sama sebagai penanda aras. 3. Indikator: Relevan sebagai semak dan imbang kepada universiti dan pelajar bagi memahami kapasiti dan keupayaan penaja dalam memberikan penajaan. 4. Pelan Tindakan Peringkat Universiti/Fakulti: i. Melaksanakan tindakan CQI berterusan bagi menambah nilai terhadap pelaksanaan dan kebolehpasaran graduan termasuk pelaksanaan program SULAM, penilaian program pengajian berteraskan <i>Outcome based education</i> (OBE), indeks kebolehpasaran graduan (CEM/KPT), seminar kerjaya dan keusahawanan. ii. menerapkan teras EXCEL CARE dalam kurikulum pengajian dan semakan kurikulum, mengintegrasikan Kerangka <i>Experiential Learning and Competency Based Education Landscape</i> (EXCEL), menerapkan

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				keperluan kerangka tujahan CARE iaitu <i>Community Resilience Experiential Learning</i> dan memberi perhatian secara serius secara lebih holistik melalui peningkatan pengetahuan dalam teknologi maklumat seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI). iii. Melakukan kajian kebolehpasaran graduan secara berkala dan meningkatkan program peningkatan kemahiran. iv. Menyediakan sokongan kewangan dan nasihat kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan akibat pertukaran program menerusi HEPA, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, pelbagai inisiatif WAZAN. 5. Kebolehpasaran Graduan UPM: Dengan skor tinggi (99.4%), dapatan penaja tidak menjejaskan keupayaan graduan untuk berdikari dan mandiri dalam kerjaya dan kehidupan.
13.5.2 - Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS				
16.	13.5.2(j)	(j) mesyuarat turut membincangkan berkenaan skor tahap pencapaian pensyarah di mana amalan sekarang adalah kursus yang bersesuaian akan dimulakan bagi pensyarah yang mendapat skor bawah 3.50. Mesyuarat bersetuju agar skor ini dinaikkan di mana pensyarah yang mendapat skor 3.99 dan ke bawah akan turut diambil tindakan	TWP PP CADe-Lead & TWP PP PEJ. TNCAA	<u>TWP PP CADe-Lead:</u> Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan bagi pencapaian Semester Pertama Sesi 2023/2024 yang melibatkan 4 kursus Diploma, 21 kursus Bachelar dan 8 kursus Siswazah.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)												
		menjalani kursus yang bersesuaian yang akan dikendalikan oleh CADe- Lead dan Fakulti.														
13.6.1.1 - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2022 dan Penetapan KPI 2023																
17.	13.6.1.1(d)	(d) mengambil perhatian bagi skop Akademik dan Antarabangsa terdapat tiga KPI yang tidak mencapai sasaran seperti berikut: <table><thead><tr><th>KPI</th><th>Pencapaian</th><th>Sasaran</th></tr></thead><tbody><tr><td>1. Peratusan iGOT PhD (7 semester) PhD (8 semester)</td><td>14.5% 22.0%</td><td>20% 30.4%</td></tr><tr><td>2. Pelajar Mobiliti % pelajar bergraduati yang mengikuti program mobiliti</td><td>11%</td><td>15%</td></tr><tr><td>3. Program Summer School</td><td>34.8%</td><td>63.1%</td></tr></tbody></table>	KPI	Pencapaian	Sasaran	1. Peratusan iGOT PhD (7 semester) PhD (8 semester)	14.5% 22.0%	20% 30.4%	2. Pelajar Mobiliti % pelajar bergraduati yang mengikuti program mobiliti	11%	15%	3. Program Summer School	34.8%	63.1%	TWP PP PEJ. TNCAA	1. Kajian semula terhadap KPI sedia ada telah dilaksanakan termasuk meneliti semula definisi operasi KPI terlibat. 2. KPI memerlukan sumber kewangan kukuh seperti mobiliti pelajar: Pihak Bursar, UPM dimohon untuk mengkaji peruntukan yang sewajarnya dan menggerak usaha secara bersama bagi menentukan sasaran yang sesuai dengan peruntukan. 3. iPUTRA dan Fakulti: Mempelbagaikan kaedah bantuan kerjasama dari dalam dan luar negara, program <i>summer school/edutourism</i>, program mobiliti secara hibrid bagi menambah nilai keterampilan graduan. Tanpa bantuan kewangan berstruktur, peningkatan sasaran adalah tidak realistik. 4. Pelan Tindakan: i. Menyemak semula definisi dan target KPI untuk kesesuaian dan kejelasan. ii. Berkolaborasi dengan Pihak Bursar, UPM untuk menentukan peruntukan kewangan yang diperlukan bagi menepati sasaran
KPI	Pencapaian	Sasaran														
1. Peratusan iGOT PhD (7 semester) PhD (8 semester)	14.5% 22.0%	20% 30.4%														
2. Pelajar Mobiliti % pelajar bergraduati yang mengikuti program mobiliti	11%	15%														
3. Program Summer School	34.8%	63.1%														

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)															
				atau peningkatan sasaran secara realistik, relevan dan berimpak. iii. Melaksanakan program mobiliti secara hibrid untuk mengurangkan kos. iv. Mengadakan sesi latihan dan bengkel untuk fakulti dan pelajar bagi meningkatkan pencapaian KPI.															
18.	13.6.1.1(e)	(e) mengambil maklum bagi skop Penyelidikan dan Inovasi, KPI yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut; <table><tr><th>KPI</th><th>Pencapaian</th><th>Sasaran</th></tr><tr><td>Bilangan artikel jurnal diterbitkan dalam Science atau Nature</td><td>0</td><td>1</td></tr><tr><td>Bilangan jurnal UPM baharuyang terindeks dalam senarai Journal Citation Reports</td><td>1</td><td>3</td></tr><tr><td>Jumlah geran penyelidikan yang diterima</td><td>RM34 juta</td><td>RM90 juta</td></tr><tr><td>Penjanaan pendapatan (pelesenan teknologi atau know-how jualan terus dan produk dikomersialkan)</td><td>RM0.52 juta</td><td>RM2.5 juta</td></tr></table>	KPI	Pencapaian	Sasaran	Bilangan artikel jurnal diterbitkan dalam Science atau Nature	0	1	Bilangan jurnal UPM baharuyang terindeks dalam senarai Journal Citation Reports	1	3	Jumlah geran penyelidikan yang diterima	RM34 juta	RM90 juta	Penjanaan pendapatan (pelesenan teknologi atau know-how jualan terus dan produk dikomersialkan)	RM0.52 juta	RM2.5 juta	TWP PP PEJ. TNCPI & Peneraju Pertanian	Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC): Bilangan artikel jurnal diterbitkan dalam Science atau Nature: Inisiatif pemeraksanaan penerbitan Jurnal menawarkan tiga (3) pembiayaan seperti berikut: a) Dana Penerbitan Jurnal b) Inisiatif Penerbitan Berimpak Tinggi c) Dana Suntingan Artikel Jurnal Pembiayaan ini bertujuan menyokong penyelidik menerbitkan manuskrip penyelidikan berkualiti dan berimpak (tertakluk pada terma dan syarat pembiayaan yang berkuatkuasa). Bilangan jurnal UPM yang terindeks dalam senarai Journal Citation Reports: Jumlah geran penyelidikan yang diterima:
KPI	Pencapaian	Sasaran																	
Bilangan artikel jurnal diterbitkan dalam Science atau Nature	0	1																	
Bilangan jurnal UPM baharuyang terindeks dalam senarai Journal Citation Reports	1	3																	
Jumlah geran penyelidikan yang diterima	RM34 juta	RM90 juta																	
Penjanaan pendapatan (pelesenan teknologi atau know-how jualan terus dan produk dikomersialkan)	RM0.52 juta	RM2.5 juta																	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				a) Keutamaan khas untuk permohonan Geran Putra kepada staf yang mempunyai <i>output</i> penerbitan yang baik tetapi tidak berjaya mendapat geran/pendanaan luar. b) Keutamaan kelulusan GP-IPM kepada Pegawai Akademik lantikan baharu. c) Inisiatif GP Berimpak & Berkumpulan akan disusun semula dengan lebih bersasar mengikut <i>niche</i> dan keutamaan UPM. Putra Science Park (PSP): Penjanaan pendapatan (Pelesenan teknologi atau <i>know-how</i> jualan terus dan produk dikomersialkan): Pencapaian pendapatan sehingga Q2 2024 adalah sebanyak RM199,434.38. PSP telah melaksanakan tuntutan /peringatan pembayaran kepada syarikat sebanyak 3 kali mengikut prosedur kewangan UPM dan juga syarikat yang masih enggan membuat pembayaran akan disenaraikan untuk tindakan perundangan. Selain itu, PSP juga telah mendapati bahawa penjualan produk berkurangan berdasarkan laporan jualan yang diterima. Pada masa yang sama, syarikat yang baharu melesenkan teknologi UPM masih dalam proses pemindahan teknologi

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				sebelum produk baharu dapat dijual di pasaran. Bagi tahun 2024, laporan jualan produk akan dilaporkan pada Q3 kerana permohonan laporan akan dibuat pada setiap Julai dan Januari. Pusat Penerbit UPM: 1. Untuk memastikan jurnal dibawah Pusat Penerbit UPM diindeks dipangkalan data Journal Citation Report (JCR) ianya perlulah melalui beberapa kriteria, antaranya, bilangan sitasi dan <i>Citescore</i> perlulah meningkat dari semasa ke semasa. Kedua-dua kriteria ini memainkan peranan penting untuk memastikan jurnal tersebut dapat diindeks dalam pangkalan data JCR. TINDAKAN: i. Manuskrip yang telah diterbitkan akan sentiasa dikongsikan dengan pembaca. Pembaca boleh membuat sitasi kepada manuskrip yang diterbitkan. Pusat Penerbit UPM akan menjemput pengarang tersohor untuk menerbitkan makalah di dalam jurnal UPM . Usaha ini akan membantu meningkatkan sitasi dan <i>Citescore</i>. ii. <i>Citescore</i> akan bertambah apabila sitasi bertambah. Walau bagaimanapun,

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				pengindeksan sebarang jurnal di dalam JCR terletak kepada pihak Scopus yang menentukan sama ada sesebuah jurnal itu layak untuk diletakkan di bawah JCR atau sebaliknya. 2. Pusat Penerbit UPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan jurnal di bawah seliaannya dapat diindekskan dalam Scopus dan JCR. Pada masa kini, bidang ketiga-tiga Jurnal Pertanian masih terlalu luas dan tidak terlalu khusus. TINDAKAN: Menghususkan bidang di dalam penerbitan ketiga-tiga jurnal Pertanian dan mewujudkan lebih banyak jurnal di dalam UPM untuk memastikan bidang-bidang yang tiada di dalam Pertanian dapat diwujudkan. Sebagai sebuah universiti penyelidikan, kewujudan jurnal-jurnal baharu di UPM akan memberikan impak yang tinggi kepada UPM dan mengelakkan ahli akademik daripada menerbitkan makalah di <i>predatory journal</i>. 3. Setakat 4 Julai 2024, sasaran 3 bilangan jurnal UPM yang baharu terindeks dalam senarai <i>Journal Citation Report (JCR)</i> telah berjaya dicapai. UPM kini telah mempunyai 5 jurnal yang telah terindeks dalam

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				senarai <i>Journal Citation Report (JCR)</i> dan berikut jurnal yang tersenarai: (i) <i>International Food Research Journal</i> (JIF:07, Q4) (ii) <i>Pertanika Journal of Science & Technology</i> (JIF:0.6, Q3) (iii) <i>Pertanika Journal of Tropical Agricultural Science</i> (JIF:0.6, Q3) (iv) <i>Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities</i> (JIF:0.6, Q3) (v) <i>Malaysian Journal of Mathematical Sciences</i> (JIF:0.5, Q3)
19.	13.6.1.1(f)	(f) mengambil maklum bagi skop pertanian terdapat lima sub KPI yang tidak mencapai sasaran iaitu di bawah KPI visibiliti Pertanian seperti berikut;	TWP PP PEJ. TNCPI & Peneraju Pertanian	TWP Fakulti Pertanian: Telah dikenalpasti beberapa aspek bagi tujuan penambahbaikan seperti berikut: 1. Fakulti memerlukan bantuan daripada pihak iDEC untuk pengumpulan data lebih berkesan. 2. Fakulti menyediakan <i>Google form</i> untuk diedarkan kepada semua PTJ berkaitan untuk keperluan data dengan lebih awal. 3. Fakulti perlu mendapatkan data daripada Sistem HiStaf (PRIMSS dan ICRIS) berkaitan maklumat

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)																											
		<table><thead><tr><th>KPI</th><th>Pencapaian</th><th>Sasaran</th></tr></thead><tbody><tr><td>1. Visibiliti Pertanian</td><td></td><td></td></tr><tr><td>Bilangan staf yang dilantik sebagai panel dengan agensi/institusi/ peringkat antarabangsa</td><td>99</td><td>220</td></tr><tr><td>Bilangan staf dilantik sebagai panel Penasihat/ penilai/ JK Badan Profesional/ Institusi/perstauan berkaitan bidang di peringkat kebangsaan</td><td>156</td><td>270</td></tr><tr><td>QS Global Ranking By Subject</td><td>80</td><td>Top 76</td></tr><tr><td>2. Graduan Keusahawantani</td><td></td><td></td></tr><tr><td>Usahawan pelajar dan graduan yang mendaftarkan syarikat berasaskan pertanian</td><td>19</td><td>50</td></tr><tr><td>3. Pusat Rujukan Pengembangan Pertanian Tropika</td><td></td><td></td></tr><tr><td>Bilangan Projek Pengembangan Pertanian Berimpak</td><td>34</td><td>200</td></tr></tbody></table>	KPI	Pencapaian	Sasaran	1. Visibiliti Pertanian			Bilangan staf yang dilantik sebagai panel dengan agensi/institusi/ peringkat antarabangsa	99	220	Bilangan staf dilantik sebagai panel Penasihat/ penilai/ JK Badan Profesional/ Institusi/perstauan berkaitan bidang di peringkat kebangsaan	156	270	QS Global Ranking By Subject	80	Top 76	2. Graduan Keusahawantani			Usahawan pelajar dan graduan yang mendaftarkan syarikat berasaskan pertanian	19	50	3. Pusat Rujukan Pengembangan Pertanian Tropika			Bilangan Projek Pengembangan Pertanian Berimpak	34	200		pelantikan panel agensi/institusi peringkat antarabangsa dan kebangsaan. 4. Fakulti Pertanian disarankan memperkasakan keusahawanan pelajar untuk mencapai KPI tersebut melalui Kursus PPT3701 Keusahawanan Pertanian yang diajar di Fakulti. Sebagai contoh pelajar Jabatan Taman Alam dan Rekreasi, FHAS melalui kursus FHR3503 Keusahawanan dalam Taman dan Rekreasi mewajibkan pelajarannya mendaftarkan syarikat. Selain itu sebahagian besar pelajar UPM juga mendaftarkan syarikat melalui penglibatan mereka dalam Kursus MGM3180 Asas Keusahawanan kelolaan SPE dan fakulti lain yang menawarkan kursus berkenaan di Fakulti masing-masing. 5. Hampir semua Fakulti yang menawarkan kursus pengajaran berkaitan pertanian bekerjasama dengan CEM untuk membantu mendaftarkan syarikat pelajar mereka. 6. Tugas CEM adalah mengenalpasti usahawan tani yg dihasilkan oleh PTJ UPM dgn mengumpul data daripada PTJ terlibat. Pihak CEM akan bantu dengan menyediakan program/ bengkel keusahwanan asas, membantu mendaftar SSM serta
KPI	Pencapaian	Sasaran																													
1. Visibiliti Pertanian																															
Bilangan staf yang dilantik sebagai panel dengan agensi/institusi/ peringkat antarabangsa	99	220																													
Bilangan staf dilantik sebagai panel Penasihat/ penilai/ JK Badan Profesional/ Institusi/perstauan berkaitan bidang di peringkat kebangsaan	156	270																													
QS Global Ranking By Subject	80	Top 76																													
2. Graduan Keusahawantani																															
Usahawan pelajar dan graduan yang mendaftarkan syarikat berasaskan pertanian	19	50																													
3. Pusat Rujukan Pengembangan Pertanian Tropika																															
Bilangan Projek Pengembangan Pertanian Berimpak	34	200																													

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				menyediakan pinjaman mikro kredit kepada usahawan siswa yang memerlukan.
13.6.3.1 - Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2022				
20.	13.6.3.1(a)iv	(a) <u>Audit SIRIM QMS</u> iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2022 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2023.	TWP PP/PTJ berkenaan	<u>TWP CQA :</u> Proses semakan bukti tindakan dan keberkesanan tindakan telah disemak semasa Audit Pemantauan Semakan 2 , QMS & ISMS UPM pada 9 hingga 13 Oktober 2023. <u>TWP PP Pej.Pendaftar</u> Keberkesanan tindakan OFI Audit SIRIM QMS 2022 telah disemak semasa Audit SIRIM QMS 2023 yang telah dilaksanakan pada 11 Oktober 2023.
21.	13.6.3.1(b)iv	(b) <u>Audit SIRIM ISMS</u> iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2022 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2023.	TWP PP/PTJ berkenaan	<u>TWP CQA :</u> Proses semakan bukti tindakan dan keberkesanan tindakan telah disemak semasa Audit Pemantauan Semakan 2 , QMS & ISMS UPM pada 9 hingga 13 Oktober 2023.
13.6.3.2 - Audit Dalam QMS dan ISMS Tahun 2023				
22.	13.6.3.2(d)	(d) mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Ketua Juruaudit Dalaman.	TWP PP/PTJ berkenaan	<u>PAD, UPM</u> Pemantauan dan semakan status tindakan ke atas penemuan audit secara berterusan menerusi PortalCQA serta peringatan berkala telah dilaksanakan. Status Penutupan Audit Dalaman 2023:

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)																		
				Status Penutupan Audit Dalam Tahun 2023 Status Penutupan Penemuan Audit Dalam QMS PTJ 2023 <table><tr><th>Penemuan</th><th>Tutup</th><th>Belum Tutup</th></tr><tr><td>NCR</td><td>188</td><td>16</td></tr><tr><td>OFI</td><td>257</td><td>50</td></tr></table> Status Penutupan Penemuan Audit Dalam ISMS PTJ 2023 <table><tr><th>Penemuan</th><th>Tutup</th><th>Belum Tutup</th></tr><tr><td>NCR</td><td>11</td><td>0</td></tr><tr><td>OFI</td><td>13</td><td>2</td></tr></table> Sehingga 2 September 2024 Semua NCR dan OFI belum tutup telah diambil tindakan oleh PTJ. Walau bagaimanapun belum ditutup kerana keperluan bukti tambahan oleh juruaudit. TWP PP Pej.Pendaftar Penemuan Audit Dalam QMS 2023 sebanyak 2 NCR dan 6 OFI telah diterima.1 NCR dan 1 OFI belum ditutup. Maklum balas pelan tindakan dan bukti pelaksanaan tindakan telah direkodkan melalui PortalCQA mengikut tempoh yang ditetapkan dengan persetujuan bersama KJAD. TWP FRSB Penemuan Audit Dalam QMS 2023 di FRSB telah diambil tindakan dan telah ditutup oleh KJAD.	Penemuan	Tutup	Belum Tutup	NCR	188	16	OFI	257	50	Penemuan	Tutup	Belum Tutup	NCR	11	0	OFI	13	2
Penemuan	Tutup	Belum Tutup																				
NCR	188	16																				
OFI	257	50																				
Penemuan	Tutup	Belum Tutup																				
NCR	11	0																				
OFI	13	2																				

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
13.6.4 - Prestasi Penyedia Luar				
23.	13.6.4(g)	(g) dimaklumkan Pejabat Bursar telah mengadakan mesyuarat dengan syarikat yang memperolehi markah kurang daripada 60% pada 8/9/2023 dan pada minggu kedua September 2023;	Bursar / TWP PP Pej Bursar	1. Pemantauan berkala secara berterusan ke atas pencapaian prestasi pembekal. 2. Mempamerkan senarai syarikat bagi tahun 2023 yang memperolehi markah di bawah 60% di laman web Pejabat Bursar,UPM. 3. Membentangkan hasil mesyuarat penilaian prestasi syarikat dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat Bursar, UPM bagi pelaporan tahun 2023 dan tindakan.
13.8.2 - Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)				
24.	13.8.2(j)	(j) mencadangkan agar keutamaan diberikan kepada PTJ yang mempunyai risiko tinggi yang berulang sebagai salah satu elemen dalam penentuan permohonan peruntukan kewangan atau geran.	Pengarah / TWP PP PPPA	Pihak PPPA sebagai Urusetia bagi permohonan peruntukan Rancangan Malaysia (RMK). Pihak PPPA menerima semua permohonan yang dikemukakan oleh setiap PTJ. Keutamaan bagi semua permohonan akan dibawa ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan pihak JPU yang akan mengesyorkan kedudukan keutamaan tersebut. Walau bagaimanapun keputusan dan kelulusan bagi setiap permohonan adalah di bawah kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Unit Perancang Ekonomi /EPU.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
13.10 – Hal – Hal Lain				
25.	13.10.1	Pengurusan Risiko Mesyuarat mengambil perhatian mengenai cadangan agar risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dibawa dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko UPM untuk makluman dan pemantauan pihak Universiti.	Urusetia Universiti Risiko	Minit LPU 176/03 bertarikh 6 Februari 2024 telah bersetuju Jawatankuasa Pengurusan Risiko diturunkan kuasa kepada Naib Canselor bagi mempengerusikan jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko yang sedia ada telah dibubarkan untuk digantikan dengan jawatankuasa yang baharu manakala Jawatankuasa Risikan Risiko masih diperingkat perancangan dan perbincangan.